

UM (KLI) Kluang 24/7/13 ms26

## Penuntut UMP raih 2 anugerah di Hunan, China

KUANTAN 23 Julai - Seorang penuntut Universiti Malaysia Pahang (UMP) melakar kejayaan selepas memenangi dua anugerah dalam Pertandingan Chinese Bridge 2013

peringkat antarabangsa yang berlangsung selama 12 hari bermula 1 Julai lalu di Hunan,



China baru-baru ini.

P. Jamunaa (**gambar**), 23, berjaya menarik perhatian juri dan penonton dalam pertandingan tersebut melalui persembahan tarian Cina burung merak dan menyampaikan ucapan dengan tajuk 'Jodoh Saya dengan Chinese Bridge'.

Kejayaan penuntut Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKKP) itu membolehkannya menerima biasiswa daripada Institut Kongzi, Beijing (Hanban) untuk mempelajari bahasa Mandarin selama enam bulan di universiti di China.

Guru Bahasa Mandarin, Yong Ying Mei yang juga jurulatih Jamunaa berkata, kejayaan penuntut tersebut memenangi dua anugerah berkenaan menaikkan nama universiti dan Malaysia di negara berkenaan.

"Jamunaa pernah menjadi juara dalam pertandingan serupa di peringkat kebangsaan yang diadakan di Universiti Malaya pada Mei lalu," katanya di sini baru-baru ini.